


**ARCHIVE UNIT  
PERPUSTAKAAN SULTANAH BAHYAH**


**MOHD NOOR BIN MOHD SHARIFF, PROF MADYA. DR.**

**“USAHAWAN DALAM ERA K-EKONOMI.”  
SEMINAR DINAMIKA PERUBAHAN PENGURUSAN  
MENUJU EA-EKONOMI.  
(20&21 SEPTEMBER 2000), PP:104-110.**

**COB  
Universiti Utara Malaysia**



# SEMINAR



## DINAMIKA PERUBAHAN PENGURUSAN MENUJU ERA-K

KERTAS KERJA 7

### **USAHAWAN DALAM ERA-K EKONOMI**

Oleh : *S.M.A. POP*  
Profesor Dr. Juhary Hj. Ali, Dr. Mohd Noor Mohd Shariff dan  
Mohd Azmi Abdullah

20 & 21 September 2000

Pusat Konvensyen  
Universiti Utara Malaysia

Anjuran :

Sekolah Siswazah  
Universiti Utara Malaysia



**SEMINAR DINAMIKA PERUBAHAN PENGURUSAN  
MENUJU ERA -EKONOMI**

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**PADA 20-21 SEPTEMBER 2000**

**USAHAWAN DALAM ERA K- EKONOMI**

Oleh

**Juhary Haji Ali, Mohd Noor Mohd Shariff & Mohd Azmi Abdullah<sup>1</sup>**  
Sekolah pengurusan, Universiti Utara Malaysia.

**ABSTRAK**

*Era K-Ekonomi bukan sahaja menyaksikan perkembangan teknologi maklumat dan telekomunikasi, malah ia juga menyaksikan perkembangan dalam pelbagai dimensi sosial, teknologi, politik, ekonomi dan persekitaran alam semula jadi. Globalisasi adalah salah satu aspek dimensi ekonomi yang sedang melanda diseluruh dunia. Globalisasi yang juga dikaitkan dengan "perkampungan global" dan dunia "tanpa sempadan" telah mengubah cara hidup masyarakat dan keadah dan cara berniaga ke arah perniagaan antarabangsa dan global. Usahawan yang maju dan berdayasaing telah mengambil tindakan proaktif untuk terus berdayamaju dan berdaya tahan dalam perniagaan global. Pelaburan dalam teknologi, teknologi maklumat (IT) dan telekomunikasi telah meningkatkan lagi kelebihan dayasaing dan keteguhan usahawan dalam era globalisasi. Di samping itu usahawan perlu menjalinkan jaringan dengan syarikat transnasional agar pelimpahan teknologi dan peluang menembusi pasaran, maklumat dan kewangan dapat di capai dengan lebih berkesan. Akhir sekali, usahawan perlulah mempunyai beberapa kriteria bagi mencapai kejayaan yang kritikal dalam jaringan tersebut.*

---

<sup>1</sup> Juhary Haji Ali, Profesor Dr. dan Mohd Noor Mohd Shariff, Dr., pensyarah-pensyarah Sekolah Pengurusan, UUM. Mohd Azmi Abdullah, Siswazah, M.Sc. (Pengurusan Pendidikan), UUM, Kota Bharu, Kelantan.

## PENDAHALUAN

Globalisasi pada dasarnya bukan merupakan suatu perkara yang baru di dalam sejarah pembinaan tamadun manusia, malahan globalisasi telah mula dikesan seawalabad yang ke-15 apabila beberapa kuasa besar di Eropah seperti Portugal, Sepanyol dan Britain melancarkan ekspidisi meneroka dan mencari dunia baru. Pencarian ini akhirnya telah berjaya kepada penemuan benua Amerika, Australia, Afrika dan Asia. Penemuan itu kemudiannya menyebabkan berlaku penjajahan kuasa Eropah ke atas setiap negara dijelajahnya.

Dekad 1990an dikaitkan dengan zaman globalisasi atau dengan kata lain sebagai *the age of globalization*. Dalam abad ini globalisasi adalah merupakan satu fenomena yang terpenting dalam mencorakkan order baru dunia. Dapat dilihat kegiatan yang dilakukan dipentas dunia sebelum ini tidak lagi dikongkong oleh sempadan geografi, budaya, bahasa dan ideologi politik sesebuah negara.

Globalisasi merupakan satu proses meletakkan dunia ini di bawah satu unit yang sama tanpa dibatasi oleh sempadan dan kedudukan geografi sesebuah negara, melalui proses ini, dunia akhirnya tidak lagi mempunyai sempadan dengan ruang udara dan langit. Sesebuah negara itu terbuka untuk dimasuki oleh pelbagai maklumat yang disalurkan menerusi pelbagai perantaraan media. Komunikasi seperti setelit, internet, media elektronik dan yang terbaru alam maya berteraskan teknologi siber. Perkembangan ini memungkinkan perhubungan antara sebuah negara dengan negara yang lain dan perhubungan sesama manusia dapat dilakukan dalam tempoh masa yang singkat.

Perkembangan dan proses globalisasi ini sedang berkembang pesat bukan sahaja dinegara-negara maju tetapi juga dinegara yang sedang membangun seperti Malaysia. Kegagalan sesebuah negara menguasai teknologi komunikasi dan maklumat ini menyebabkan negara tersebut tertinggal serta terus ditinggalkan oleh arus permodenan dan kemajuan yang melanda dunia dewasa ini. Para pengkaji masyarakat meramalkan dalam tempoh masa beberapa tahun akan datang itu, teknologi maklumat (IT) dan siber akan menjadi sebahagian cara

hidup manusia apabila kepentingan dan peranan mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia. Perkembangan pesat IT telah membolehkan proses globalisasi berlaku tanpa dapat disekat oleh sesiapa pun. Kemajuan IT ini kini menjadi suatu realiti yang perlu diterima dan dihadapi oleh setiap mereka yang menjadi warga dunia ini.

## **GLOBALISASI DAN KESAN KEPADA USAHAWAN**

Globalisasi menyentuh seluruh kehidupan ekonomi, sosial, politik, budaya dan agama. Mari kita lihat bidang ekonomi. Pada tahun 1971 telah pun membicarakan mengenai sebuah ekonomi yang diorganisasi secara global melahirkan apa yang dipanggil desa buana (global village). Kini tidak sampai tiga puluh tahun kemudian, visi ini telah menjadi kenyataan. Dunia hari ini sudah pun merupakan sebuah desa buana atau dipanggil juga “dunia tanpa sempadan”(borderless world).

Negara-negara dunia dan manusia saling berhubung di antara satu dengan lain dan hubungan ini dipermudahkan oleh revolusi teknologi maklumat yang memanfaatkan alam siber yang tiada bersempadan sebagai medan perhubungan. Di alam nyata ini, hubungan antara negara-negara termeterai didalam perjanjian-perjanjian yang melewati batas-batas sempadan negara sehingga lahirnya pakatan-pakatan serantau seperti Asian Free Trade Area (AFTA), North America Free Trade Area (NAFTA), European Union (EU) dan sebagainya. Dasar-dasar proteksionisme seperti halangan tarif dan halangan erti kini sudah runtuh digantikan pula oleh pasaran global terbuka (*open global market*).

Urusan perbankan juga sudah melewati sempadan negara. Di Eropah misalnya sudah wujud satu mata wang bersama, iaitu “Euro”. Langkah ini telah melonjakkan Eropah sehingga menjadikan satu pemain utama didalam pasaran kewangan antarabangsa di samping Amerika Syarikat (Dollar Amerika) dan Jepun (Yen). Globalisasi terus berlangsung dengan pantas. Memang telah tersedia organisasi-organisasi global seperti Kewangan Antarabangsa (IMF), Bank Dunia, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (WTO) yang menjadi pemangkin proses ini. Pakatan-pakatan serantau-AFTA, NAFTA dan EU menjadi

mekanisme kerjasama serantau dan sebenua. Apabila mekanisme serantau ini berhubung di antara satu sama lain maka akan lahirlah dikemuncaknya, mekanisme kerjasama berskala global. Inilah yang dikatakan oleh Kenichi Ohamae sebagai “The Rise Of Regional Economies”.

Jelas, pasaran terbuka dan bebas (open and free market) menjadi premis kepada globalisasi bersesuaian dengan premis ini usaha-usaha berjalan lancar untuk merobohkan segala halangan tarif dan perdagangan. Matlamat mutakhir WTO ialah untuk melihat pasaran bebas daripada apa jua bentuk halangan. Di dalam lingkungan setiap organisasi serantau (AFTA, NAFTA dan EU) apa yang hendak diwujudkan ialah perdagangan bebas dimana tidak wujud lagi halangan tarif. Pertandingan berlaku dalam suasana bebas. Untuk menjadi berdaya saing (competitive), usahawan mestilah berkuasa besar supaya kekal kompetitif sehingga lahirnya kata-kata seperti “merge or perish” dan “big is beautiful”. Kini sudah lahir syarikat, bank, firma pengurusan dana dan sebagainya yang bersaing gergasi yang memasarkan produk masing-masing ke pasaran sebesar dunia ini.

Ini bermakna di dalam ekonomi globalisasi, tiada tempat untuk pemain kecil yang tidak berdaya saing. Ini membawa kemungkinan dan kemungkinan ini tidak boleh dipandang ringan, bahawa kuasa besar dengan kekuatan ekonomi yang besar akan menguasai pentas ekonomi dunia. Antara perkara yang berlaku dalam globalisasi ekonomi adalah perdagangan bebas antara negara di dunia masa ini. Adapun pergerakan perdagangan bebas ini berlaku atas desakan penggabungan antara telekomunikasi dan ekonomi. Di samping perdagangan bebas, globalisasi ekonomi juga boleh dikaitkan dengan perkembangan syarikat-syarikat korporat di dunia. Syarikat-syarikat korporat ini bersaing di antara mereka dan juga dengan syarikat-syarikat sederhana dan kecil berdasarkan kepada harga dan kualiti. Syarikat-syarikat korporat Malaysia juga menuju ke arah globalisasi.

Di sebalik persaingan sengit oleh syarikat-syarikat besar, sederhana dan kecil di peringkat global, kita menyaksikan berlakunya monopoli di kalangan syarikat-syarikat “transnational” (TNCs) yang melepasi batasan sempadan

negara-negara di dunia. Akibat dari bertambahnya penggabungan dan pengambilalihan, syarikat-syarikat yang besar menjadi lebih besar, kaya dan lebih berkuasa terhadap syarikat yang sederhana dan kecil (SMEs). Kita menyaksikan bahawa penggabungan dan pengambilalihan menjadi jalan singkat untuk mencapai dominasi pasaran dan teknologi. Pada masa kini kebanyakan syarikat-syarikat transnasional lebih berkuasa berbanding dari negara bersaiz sederhana. Globalisasi pada era kini telah menyebabkan kekosongan pemerintahan (governance vacuum). Bagaimanakah kerajaan-kerajaan memenuhi kepentingan mereka di dunia jika penaja utama ekonomi (TNCs) beroperasi berdasarkan kepada luar batasan sempadan (trans-border basis)? Penduduk-penduduk yang meningkat melintasi dunia mengalami kebimbangan dan perasaan kegoyahan di mana mereka merasa tidak ada sebarang pihak yang bertanggung-jawab mengenai keadaan yang berlaku pada masa kini. Mereka melihat bahawa hak dan mata pencarian mereka di gugat oleh syarikat yang besar ini. Ketidaksamaan dan ketidakseimbangan kekayaan akan menyebabkan permusuhan berlaku apabila aset bagi 3 “billionaires” utama lebih tinggi dari pendapatan 600 juta penduduk yang tinggal di 48 buah negara mundur. Dalam konteks ini, rusuhan yang berlaku di Seattle dan Washington, Amerika Syarikat pada tahun lalu dan di Bologna, Italy pada tahun ini amatlah di fahami.

Dalam keadaan persekitaran yang mempunyai ketidakpercayaan dan tindak balas yang ganas, tanggung-jawab sosial korporat mengambil peranan praktikal dan politik yang segera bagi masyarakat perniagaan antarabangsa beroperasi dalam keadaan globalisasi yang berterusan. Syarikat transnasional perlulah mempunyai tanggung-jawab sosial yang mengariskan nilai-nilai universal seperti hak-hak buruh, hak-hak asasi dan perlindungan alam sekitar. Di samping itu syarikat transnasional perlu merujuk kepada isu-isu pembangunan seperti peningkatan teknologi dan pengurusan, membantu usahawan-usahawan tempatan, mengenalpasti pasaran dan kewangan. Pencapaian dalam isu-isu pembangunan ini akan memberi perkembangan dalam isu-isu sosial seperti keadaan buruh dan perlindungan alam sekitar.

## PERANAN USAHAWAN DALAM RANTAIAN INDUSTRI

Pada umumnya di dapati kebanyakan syarikat transnasional telah menyediakan peluang kepada Syarikat Kecil dan Sederhana (SMEs) dalam bentuk jaringan bekalan yang kompleks. Bukti awalan menunjukkan bahawa usahawan telah berjaya menembusi pasaran dan kemahiran pengurusan melalui syarikat transnasional. Di dalam mewujudkan peluang pelimpahan teknologi (technological spillovers) dan kejayaan menembusi pasaran, maklumat dan kewangan, para usahawan perlulah memenuhi piawaian korporat dan juga piawaian antarabangsa di segi harga, mutu, kesihatan, buruh dan alam sekitar. Para usahawan perlulah berinovatif dan perlulah:

- Menyediakan strategi bagi pembangunan dan perkembangan yang berterusan
- Memasukkan dan mendapatkan teknologi baru
- Menggunakan sistem baru untuk bekalan alat-alat ganti
- Mendapatkan bantuan rakan-kongsi teknikal bagi pemindahan teknologi
- Membangunkan keupayaan dan kemahiran teknologi sendiri
- Menjalankan penyelidikan dan pembangunan sendiri
- Membiaki dan merekabentuk proses pembuatan
- Cuba memasuki pasaran tempatan dan global

Sekarang ini terdapat program-program dan dana-dana yang di sediakan oleh kerajaan bagi membantu pengusaha kecil dan sederhana termasuk dalam bentuk:

- Skim Bantuan Teknikal (Technical Assistance Scheme) oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bermula dalam tahun 1989
- Dana Bantuan Teknikal Industri (Industrial Technical Assistance Fund) oleh SIRIM
- Program Rangkaian Industri (Industrial Linkage Programme), Program pembekalan Global (Global Supplier Programme), Program Pembangunan Keusahawanan (Entrepreneur Development Programme) dan lain-lain oleh SMIDEC



- Skim Jaminan Utama Baru (NPGS) dan Skim Jaminan Anjal ( Flexi Guarantee Scheme) oleh CGC

Di samping peranan yang proaktif oleh badan-badan/agensi-agensi kerajaan sebagai perantaraan dan syarikat transnasional sebagai rakan kongsi, syarikat kecil dan sederhana tempatan jika ingin berjaya, perlulah mendapatkan kompetensi (competencies) yang kritikal, mempunyai konsep kearah inovasi, menjalin kerjasama (collaboration) yang erat dengan syarikat transnasional dan mempunyai keupayaan menghadapi cabaran untuk persaingan (competition) .

### KESIMPULAN

Di dalam era K-Ekonomi , globalisasi dan "perniagaan tanpa batasan", usahawan kecil harus bersaing dengan peniaga-peniaga bersaiz sederhana dan besar yang lebih "kuat" dari segi modal, sistem pemasaran, dan rangkaian. Berdasarkan senario perniagaan di dalam era globalisasi dan liberalisasi perdagangan usahawan di Malaysia harus menerima hakikat bahawa persiangan perniagaan tidak dapat dikawal dan dielakkan dengan begitu mudah. Peniaga bersaiz sederhana dan besar akan berusaha dan merebut pelbagai peluang perniagaan yang disediakan. Modal yang kukuh, sistem pemasaran dan pengedaran yang tersusun, penguasaan bahan "input" pengeluaran, pasaran yang luas, penggunaan teknologi maklumat dan telekomunikasi dan pengurusan oleh pekerja profesional adalah beberapa faktor penyumbang yang memberi kelebihan bersaing kepada sebuah perniagaan. Umumnya, peniaga dan perusahaan besar yang mempunyai kelebihan bersaing dan pelbagai "keistimewaan" dianggap dapat bersaing, terus maju dan berkembang berbanding dengan peniaga kecil yang serba kukurangan dan sering bermasalah.. Jika anggapan itu benar, peniaga kecil jangan lagi memikirkan bahawa "kecil itu selamat dan untung" dalam era perniagaan global.

Berdasarkan kepada perkembangan perniagaan global yang sokong oleh kemajuan teknologi pengeluaran, teknologi maklumat dan telekomunikasi, dunia pengurusan di abad ke-21 sedang menghadapi satu cabaran dan perubahan yang

belum pernah berlaku di abad yang yang lalu. Di dalam perniagaan, kelebihan daya saing adalah faktor yang amat penting untuk memastikan kejayaan dan ketahanan sesebuah firma. Peningkatan kompetensi pengurusan dan perniagaan, ketangkasan bertindak dan pelaburan dalam teknologi dan teknologi maklumat ke arah e-dagang adalah elemen penting yang perlu diberi perhatian dalam era K-ekonomi dan globalisasi.

Satu cara untuk usahawan berjaya dalam era k-ekonomi ialah dengan menjalin hubungan erat dengan syarikat “transnational” melalui rantaian industri (industrial linkages). Berbagai-bagai bantuan di berikan oleh badan/agensi kerajaan untuk membantu mewujudkan hubungan antara IKS dengan syarikat transnasional. Bagi mencapai kejayaan yang kritikal, IKS perlulah mempunyai kompetensi yang kritikal, konsep kearah inovasi, kerjasama erat dengan syarikat transnasional dan mempunyai sikap terbuka menghadapi cabaran untuk bersaing dalam era k-ekonomi.

## BIBLIOGRAFI

- Juhary Ali & Osman Mohamad (2000) “Dunia Tanpa Sempadan dan Kecairan Budaya” *Jelapang*, Jilid 1, Bil 1 Jun 2000, 1-6.
- Moha Asri, Juhary Ali & Faoziah Idris (2000) *Pengurusan Perniagaan Kecil* Kuala Lumpur: Utusan Malaysia Publication
- Porter, M.E. (1980) *Competitive Strategy* NY: The Free Press.
- Ruffing, L. (2000) “TNC-SME Linkages To Face the Challenge of Globalization Together”, Technological and Managerial Upgrading of SMEs Through Linkages with TNCs, *UNCTAD International Workshop*, Penang, Malaysia.
- Samad Kassim (2000) “Development of SMEs and Industrial Linkages in Malaysia”, Technological and Managerial Upgrading of SMEs Through Linkages with TNCs, *UNCTAD International Workshop*, Penang, Malaysia.